

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

PDP 477 - Kaedah Mengajar Sejarah  
-----

Masa : [3 jam]

-----  
Jawab EMPAT (4) soalan sahaja  
-----

1. Sebagai satu matapelajaran di sekolah, sejarah mempunyai ekspetasi dan realiti yang tersendiri. Bincangkan ekspetasi pendidikan sejarah dalam konteks kenegaraan dan kemasyarakatan serta realiti pendidikan sejarah itu sendiri sebagaimana yang diajar di sekolah-sekolah hari ini.

(25 markah)

2. Buat satu kritikan terhadap proses pengajaran-pembelajaran sejarah di sekolah pada masakini.

(25 markah)

3. Kaedah Inkuiri menekankan proses induktif dalam pembelajaran dan proses ini memerlukan usaha dalam pembinaan hipotesis-hipotesis dan mencari maklumat-maklumat dengan tujuan untuk mendapatkan satu generalisasi terhadap perkara yang dibincangkan.

a) Nyatakan falsafah yang tersirat di sebalik Kaedah Inkuiri.

b) Sejauh manakah anda menyokong penggunaan kaedah ini dalam pengajaran-pembelajaran sejarah dan bincangkannya dalam konteks pemikiran sejarah.

(25 markah)

...2/-

4. Nyatakan faktor-faktor penting yang perlu dipertimbangkan apabila merancang kurikulum sejarah. Sejauh manakah kurikulum sejarah yang ada di negara kita sekarang mencerminkan hasrat tersebut?

(25 markah)

5. Kefahaman tentang pertumbuhan kanak-kanak terutama dalam aspek penguasaan bahasa dan menghayati konsep masa adalah penting bagi guru sejarah. Bincangkan dengan merujuk kepada kajian-kajian yang telah dibuat mengenainya.

(25 markah)

6. Bagaimanakah seseorang guru sejarah dapat memberikan sumbangan profesionalnya kepada masyarakat?

(25 markah)